



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Untuk Siaran Segera

24 Mac 2016

ASNB UMUM AGIHAN PENDAPATAN BAGI TIGA TABUNG ASG

KUALA LUMPUR – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) hari ini mengumumkan kadar pengagihan pendapatan bagi ketiga-tiga tabung di bawah naungan Amanah Saham Gemilang (ASG) iaitu ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persaraan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016.

Pemegang unit ASG-Pendidikan akan menerima pengagihan pendapatan 6.00 sen seunit, ASG-Kesihatan pula 7.00 sen seunit sementara ASG-Persaraan akan menerima 6.80 sen seunit.

ASNB memperuntukkan RM40.56 juta bagi pembayaran agihan pendapatan ASG-Pendidikan, peningkatan sebanyak 35.9% berbanding RM29.86 juta pada tahun lalu, yang akan memanfaatkan 60,404 pemegang unit yang melanggan 676.01 juta unit tabung ini.

Sehingga 22 Mac 2016, ASG-Pendidikan mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM39.87 juta. Daripada jumlah ini, RM19.69 juta atau 49.4% merupakan keuntungan penjualan saham dalam syarikat-syarikat, manakala RM13.60 juta atau 34.1% merupakan pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat. Baki RM6.58 juta atau 16.5% pula diperoleh melalui pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Bagi ASG-Kesihatan, ASNB telah memperuntukkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM66.61 juta, peningkatan sebanyak 68.5% berbanding RM39.52 juta pada tahun lalu, yang akan dinikmati oleh 46,784 pemegang unit yang telah melanggan 951.52 juta unit tabung ini.

Sehingga 22 Mac 2016, tabung ASG-Kesihatan memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM49.55 juta. Daripada jumlah ini, RM19.75 juta atau 39.9% merupakan keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat, manakala sebanyak RM21.70 juta atau 43.8% merupakan pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat. Baki RM8.10 juta atau 16.3% pula diperoleh melalui pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Bagi ASG-Persaraan, ASNB telah memperuntukkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM17.41 juta, peningkatan sebanyak 39.0% berbanding RM12.53 juta yang diperuntukkan pada tahun lalu, yang akan memanfaatkan 12,579 pemegang unit yang telah melanggan 255.97 juta unit tabung ini.

Sehingga 22 Mac 2016, ASG-Persaraan memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM17.45 juta, yang mana RM7.40 juta atau 42.4% daripadanya merupakan keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat, manakala sebanyak RM5.66 juta atau 32.4% merupakan pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat. Baki RM4.39 juta atau 25.2% pula diperoleh melalui pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi tabung-tabung unit amanah ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persaraan adalah berdasarkan baki unit yang dipegang oleh para pemegang unit pada 31 Mac 2016, iaitu hari terakhir tahun kewangan bagi tabung-tabung ini.

Pembayaran agihan pendapatan bagi ketiga-tiga tabung ini akan dilaburkan semula dalam bentuk unit secara automatik dan dikreditkan ke dalam buku pelaburan pemegang unit pada 1 April 2016 berdasarkan nilai aset bersih (NAB) setiap tabung unit amanah ASG pada 31 Mac 2016.

Semua urusan niaga bagi ketiga-tiga unit amanah di bawah naungan ASG telah ditanggunghkan mulai 23 Mac hingga 31 Mac 2016.

Para pemegang unit boleh mengemaskini buku pelaburan ASG masing-masing di pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNBN di seluruh negara mulai 1 April 2016.

ASG adalah dana harga berubah-ubah dan ketiga-tiga tabung ASG merupakan 'Dana Pertumbuhan dan Pendapatan' dengan objektif serta pembahagian aset yang berbeza bagi setiap tabung. Setiap pelabur dibenarkan untuk melanggan unit-unit dalam ketiga-tiga tabung ini tanpa had.

Dana ASG tersenarai dalam Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit ASG melalui Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP berkenaan.

**Dikeluarkan oleh:
PERMODALAN NASIONAL BERHAD**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Cik Aminah Haji Mahadi
Pengurus Kanan
Jabatan Komunikasi Korporat
Tel: 03-2050 5445
Faks: 03-2050 5268
E-mel: aminah_hm@pnb.com.my**